



KEINDAHAN SIMBOL DAN MAKNA DALAM PANTANG LARANG MASYARAKAT MELAYU

THE BEAUTY OF SYMBOL AND MEANING IN MALAY TABOOS

Norazimah Zakaria^{1*}, Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my

² Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 17.03.2020

Revised date: 12.04.2020

Accepted date: 13.04.2020

Published date: 10.06.2020

To cite this document:

Zakaria, N., & Hanapi, M. H. M. (2020). Keindahan Simbol dan Makna dalam Pantang Larang Masyarakat Melayu. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (12), 01-12.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 312001

Abstrak:

Secara umumnya pantang larang bermaksud perbuatan yang dilarang untuk dilakukan. Pantang larang ini wujud dalam sesbuah adat dan kepercayaan sesuatu kaum. Dalam konteks masyarakat Melayu, pantang larang terbentuk akibat kepercayaan terhadap kekuatan kuasa jahat. Masyarakat Melayu percaya bahawa pelanggaran pantang larang akan menyebabkan berlakunya kecelakaan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti simbol dalam pantang larang masyarakat Melayu dan menghuraikan bagaimana pantang larang tersebut mempunyai makna yang tersendiri dalam pemikiran masyarakat Melayu tradisi. Teori Semiotik Pierce akan dimanfaatkan bagi mengkaji simbol yang terdapat dalam pantang larang tersebut. Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dan analisis kandungan teks sebagai medium untuk meneliti unsur simbol yang terdapat dalam buku *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Hasil analisis kajian ini mengetengahkan jenis pantang larang berkaitan ibu mengandung dan pantang larang berkaitan pemakanan. Unsur simbol yang diketengahkan dalam pantang larang berkaitan ibu mengandung ialah tumbuhan, haiwan, benda dan perbuatan. Pantang larang berkaitan pemakanan pula mengetengahkan simbol perbuatan, benda dan makanan. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan unsur simbol dalam menyatakan pantang larang masyarakat Melayu adalah bertujuan sebagai petunjuk dan panduan cara hidup. Hal ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu menggunakan unsur simbol dalam pantang larang sebagai membentuk perilaku bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan mempunyai gaya hidup yang baik.

Kata Kunci:

Pantang Larang, Semiotik, Simbol, Wanita, Kepercayaan

Abstract:

Taboos, in general, are actions that are forbidden to be practiced. They exist in the practice and belief of a particular race. In the context of the Malay society, taboos are shaped due to the belief in the strong power of evil. The Malays believe that the result in the breaking of the taboos would be disastrous. The purpose of this research is to identify symbols in the Malay taboos and to explain how these taboos have their own unique meaning in the minds of the traditional Malay society. Pierce's Semiotic Theory will be used in analysing the symbols found in the taboos. This research uses literature review and text analysis as a medium to examine the symbolic elements found in the Adat dan Pantang Larang Orang Melayu book. The outcome of this research brings to light the types of taboos relating to expecting mothers and taboos relating to nutrition. Highlighted elements of taboos relating to expectant mothers are plants, animals, objects and actions. Whereas, highlighted elements of taboos relating to nutrition are actions, items and food. The conclusion of this research shows that the use of symbolic elements in stating the taboos in the Malay society serves as a guide to lifestyle. Thus, this confirms that the Malays use symbolic elements in taboos so as to shape behaviours in creating a harmonious society that has a good way of life.

Keywords:

Taboos, Semiotic, Symbols, Women, Believe

Pengenalan

Pantang larang telah digunakan sebagai alat untuk menegur dan menasihati seseorang tanpa menggunakan bahasa yang kasar. Hal ini menunjukkan bahawa pantang larang yang wujud dalam adat telah digunakan sebagai garis panduan bagi membentuk seseorang tanpa melanggar adat yang telah ditetapkan. Berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) pantang ialah sesuatu yang dilarang untuk dilakukan. Pantang ini berkait rapat dengan adat dan kepercayaan. Larang pula bermaksud menahan daripada melakukan sesuatu. Secara umumnya pantang larang bermaksud perbuatan yang dilarang untuk dilakukan. Pantang larang ini wujud dalam sesebuah adat dan kepercayaan sesuatu kaum. Pantang membawa maksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana dipercayai membawa akibat buruk. Larang pula bermaksud tegahan daripada melakukan sesuatu kerana kuat kuasa undang-undang atau perintah. Penggabungan istilah pantang larang telah membawa makna pelaksanaan sesuatu hal bagi mengelakkan manusia daripada mendapat sakit ataupun kecelakaan. Dalam konteks masyarakat Melayu, pantang larang terbentuk akibat kepercayaan terhadap kekuatan kuasa jahat. Masyarakat melayu percaya bahawa pelanggaran pantang larang akan menyebabkan berlakunya kecelakaan (A. Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad, 1994). Pantang larang dalam konteks masyarakat Melayu telah wujud disebabkan oleh kepercayaan terhadap kekuatan kuasa jahat. Kepercayaan ini mungkin terjadi sebelum kedatangan Islam di tanah Melayu. Hal ini demikian kerana sebelum kedatangan Islam, masyarakat Melayu mengamalkan animism dan turut dipengaruhi oleh amalan Hindu-Buddha. Pada masa itu, masyarakat Melayu percaya bahawa pelanggaran pantang larang akan menyebabkan berlakunya kecelakaan yang mendatangkan kesan buruk kepada individu yang melanggar pantang larang tersebut.

Pengaplikasian pantang larang dalam kehidupan bermasyarakat mampu melahirkan sebuah masyarakat yang menerapkan nilai-nilai baik dalam kehidupan seharian. Pantang larang yang diwujudkan juga berfungsi sebagai alat kawalan sosial. Hal ini demikian kerana pelanggaran

terhadap pantang larang yang ditetapkan dianggap sebagai tidak mengendahkan pesanan orang tua-tua dan dianggap tidak menghormati mereka. Perkara ini secara tidak langsungnya mendorong kepada pembentukan sebuah masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Penciptaan pantang larang sudah semestinya menjadi salah satu alat pendidikan yang membentuk masyarakat yang berbudi. Pantang larang dianggap sebagai “*social sanction*” yang bertujuan untuk mengawal pergerakan dan tindakan masyarakat. Boleh dikatakan bahawa seluruh kehidupan masyarakat termasuklah aktiviti sosial, ekonomi, kematian dan mengandung mempunyai pantang larang yang tersendiri. Hal ini telah mewujudkan penyataan pengingkaran terhadap pantang larang akan menyebabkan orang yang melanggarnya ditimpak malapetaka atau terkena penyakit yang sukar sembah. Pantang larang diamalkan dalam segala kegiatan dan peringkat kehidupan adalah bertujuan untuk mengelak daripada termakan sumpah atau terkena makhluk halus.

Justeru, setiap pantang larang yang berdasarkan keturunan, penyakit dan peringkat hidup mestilah dipatuhi. Pantang larang dicipta oleh orang tua-tua atas tujuan untuk mendidik masyarakat agar menerapkan nilai baik dalam kehidupan. Unsur pengajaran telah diterapkan secara tersurat dan tersirat dalam pantang larang masyarakat Melayu. Pantang larang masih diamalkan walaupun ianya semakin terhakis di telan arus kemodenan. Masyarakat zaman dahulu selalu mengingatkan anak cucu mereka agar sentiasa mematuhi patang larang. Melanggar pantang larang dianggap sebagai tidak mengendahkan pesanan orang tua (Ani Omar, 2014).

Kajian Literatur

Mohd Shahril Shaari (2012) telah menjalankan kajian sarjana yang bertajuk “Simbolisme Dan Kritikan Sosial Yang Terdapat Di Dalam Novel Seluang Menolak Baung Karya Shahnon Ahmad Bagi Menterjemah Pemikiran Pengarangnya”. Tujuan kajian ini dibuat ialah untuk mengenal pasti sejauhmana aspek simbolisme dan kritikan sosial dapat meningkatkan kefahaman pembaca tentang sesebuah genre novel. Komponen yang paling dominan yang cuba ditampilkan oleh pengarang dalam karya tersebut ialah aspek simbol. Teori semiotik dengan gabungan pendekatan sosiologi telah digunakan bagi menjalankan kajian ini. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa minat audiens dan pemikiran kritis dan kreatif dapat dipupuk melalui penggunaan simbolisme dan kritikan sosial dalam novel. Hasil kajian ini juga telah membolehkan pengetahuan pembaca berkembang apabila penggunaan simbol-simbol yang menggambarkan sesuatu perkara dan kritikan sosial terhadap masyarakat digambarkan dalam novel ini diberi penekanan. Kajiannya berkaitan simbol melalui teori Semiotik boleh menjadi panduan dalam penulisan ini.

Manakala Hamidah Abdul Wahad (2013) dalam kajiannya “Petua Dan Pantang Larang Tradisional Dalam Alam Melayu Sarawak” dalam jurnal *International Journal of the Malay World and Civilisation* menjelaskan bahawa petua dan pantang larang tradisional masyarakat Melayu Sarawak mempunyai perkaitan rapat dengan unsur-unsur animisme, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam. Kajian ini menggunakan kajian etnografi di lapangan iaitu rakaman dan catatan tentang petua-petua dan pantang larang Melayu Sarawak. Kajian ini melibatkan warga peribumi Melayu Sarawak dari kawasan Serian, imunjan dan Kuching yang berusia 50 tahun ke atas. Faktor memilih golongan yang berumur adalah mereka dianggap golongan yang matang dengan persekitaran, budaya dan alam. Petua dan pantang larang yang dikumpulkan merangkumi aspek perubatan, hal berkeluarga, keselamatan diri, masakan dan makanan, pertanian, bertemu binatang bahaya, kebersihan, kecantikan dan petua serta pantang larang lain yang diamalkan dalam kehidupan seharian.

Kajian berkaitan tentang pantang larang juga telah dilakukan oleh Ani Omar. Ani Omar (2014) dalam kajiannya mengenai “Pantang Larang Dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis Dari Perspektif Teori SPB4K” dalam *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* telah mengupas pantang larang masyarakat Melayu sama ada ianya masih relevan untuk digunakan atau tidak pada zaman kini. Pantang larang merupakan disiplin lisan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Walaupun kian terhakis ditelan zaman namun pantang larang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu walaupun bilangannya sedikit. Kajian ini lebih memfokuskan mengenai pantang larang masyarakat Melayu berpandukan aspek pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan. Pengkaji telah meneliti dua aspek pantang larang yang berkaitan dengan isu kekeluargaan, sosial dan moral. Selain itu, pengkaji pantang larang yang termasuk dalam isu kekeluargaan melibatkan golongan isteri, ibu yang hamil, suami dan bapa.

Daripada kajian literatur tentang pantang larang, adalah didapati larangan-larangan diberikan kepada masyarakat sebenarnya lebih kepada alat untuk mendidik agar sentiasa menjaga tingkah laku supaya tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Selain itu, pantang larang yang dibuat adalah bagi membentuk institusi masyarakat yang sopan dan menjaga tatasusila. Kajian tentang simbol dan makna dalam pantang larang ditampilkan dalam kajian ini bagi melihat bagaimana simbol yang terdapat dalam pantang larang dapat memberi makna tersurat dan tersirat berdasarkan masyarakat pengamalnya pada masa dahulu dan kini.

Penyataan Masalah

Maria Sicilia Mayasari, Lintu Tulistyantoro dan M Taufan Rizqy (2014) menerangkan bahawa simbol dan tanda telah digunakan sejak zaman dahulu. Simbol telah digunakan sebagai cara untuk berkomunikasi bagi menjelaskan keadaaan, kepercayaan dan peradaban. Penyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa simbol dan tanda berkait rapat dengan sesuatu kebudayaan yang tertentu bagi memaknai nilai sesuatu adat istiadat dalam suku tertentu. Dalam hal ini, simbol dan tanda dipercayai telah wujud sejak sekian lama dan telah memainkan peranan penting dalam bentuk komunikasi.

Simbol bermaksud sesuatu perlambangan yang membawa kepada makna yang tertentu. Simbol digunakan dalam masyarakat Melayu untuk menyatakan sesuatu tanpa menyebutnya secara terang-terangan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat mementingkan perilaku yang bersopan. Simbol dan perlambangan telah digunakan bagi menyatakan sesuatu secara berlapik dan bertujuan untuk menapis tutur kata agar tidak menguris hati dan perasaan orang lain.

Kajian tentang simbol dalam pantang larang wajar diketengahkan sebagai satu medium komunikasi masyarakat Melayu dahulu dalam mendidik akhlak anak-anak. Pantang larang yang dianggap tidak lagi relevan digunakan pada zaman kini wajar diperhalusi semula oleh golongan penyelidik bahawa setiap pantang larang yang wujud mempunyai simbol dan makna yang tersendiri.

Metodologi

Abdul Halim Ali (2013) menjelaskan bahawa Teori Semiotik telah bermula pada tahun 1960-an di Eropah, khususnya di Perancis. Teori ini menekankan bahawa ilmu tanda merupakan satu sains sosial yang penting kerana mendatangkan atau menzahirkan makna-makna dan signifikasi tertentu. Pemikiran tentang lambang kian berkembang apabila karya pemikir Perancis diterjemahkan.

Teori ini menekankan soal kebahasaan dengan penumpuan kepada sistem perlambangan dan petanda dalam teks. Ada pendapat menyatakan bahawa teori ini telah bermula sejak zaman Plato namun tidak dipentingkan dalam beberapa waktu terutamanya dalam era penolakan epistemologi teori ini. Abdul Halim Ali (2013) menyatakan bahawa istilah *semiotic* berasal daripada perkataan Greek daripada akar *Semeion* yang membawa maksud sains umum yang mengkaji sistem perlambangan dalam segenap kehidupan manusia. Peirce telah membezakan tiga jenis lambang iaitu ikonik, indeksikal dan simbolik.

Secara keseluruhannya, teori semiotik mempunyai tiga aspek penting iaitu ikon, simbol dan perlambangan. Ikon merupakan tanda-tanda yang menyerupai, mirip atau bebayang mengenai sesuatu perkara. Indeks pula lebih kepada perlambangan yang sedia difahami iaitu sesuatu yang mewakili hal yang lain. Simbol pula dikaitkan dengan sebab musabab, isyarat dan alamat. Dalam hal ini, aspek simbol merupakan aspek yang paling sesuai untuk digunakan untuk meneliti pantang larang yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, pantang larang masyarakat Melayu mempunyai pelbagai unsur simbol bagi mengekalkan kesantunan dalam pengajaran pantang larang.

Analisis

Jeniri Amir (1988) dalam Salmah Omar dan Mohan a/l Rathakrishnan (2016) menjelaskan bahawa pantang larang bukanlah berfungsi sebagai penghalang tetapi lebih kepada tujuan untuk melahirkan manusia yang sejahtera. Hal ini demikian kerana, terdapat beberapa pantang larang sengaja dicipta bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini. Penciptaan pantang larang ini, adalah bagi mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Berikut merupakan simbol dan makna dalam pantang larang masyarakat Melayu berkaitan ibu mengandung. Dalam bahagian ini terdapat empat jenis simbol yang dibincangkan iaitu jenis tumbuhan, perbuatan, benda dan haiwan.

Pantang Larang Berkaitan Ibu Mengandung

Jenis Tumbuhan

| BIL | PANTANG LARANG | UNSUR SIMBOL |
|------------|---|-------------------------|
| 1 | Dilarang minum air kelapa dan air tebu pada peringkat awal kehamilan kerana dikhuatiri anak dalam kandungan gugur | Air kelapa dan air tebu |
| 2 | Dilarang memakan buah nanas dan betik muda kerana dipercayai menyebabkan keguguran | Nanas dan betik muda |

Pantang larang yang berkaitan dengan ibu mengandung berkaitan dengan tumbuhan yang terdapat dalam buku “Adat dan Pantang Larang Orang Melayu” hanya mencatatkan beberapa jenis sahaja iaitu tebu, kelapa, nanas dan betik. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007) kelapa merupakan sejenis tumbuhan palma. Kelapa muda mempunyai air yang rasanya sedap. Tebu pula sejenis tumbuhan yang menghasilkan gula. Tebu dikatakan sebagai rumput berbatang tinggi dan beruas. Air tebu dan air kelapa sebenarnya membawa simbol makanan yang manis. Kesan yang menyatakan bahawa anak yang dikandung bakal gugur ini merupakan

simbol kepada kegagalan menjaga kesihatan akan menyebabkan akibat yang bakal berlaku sekiranya tidak menjaga kesihatan yang baik.

Penggunaan air kelapa dan tebu dalam penyampaian pantang larang ini ialah bagi menjaga kesihatan ibu mengandung. Hal ini demikian kerana, jika diteliti secara saintifik air kelapa memberikan banyak manfaat kepada ibu mengandung. Larangan yang diwujudkan ini mungkin disebabkan oleh faktor mencegah ibu mengandung meminum air kelapa dan air tebu secara berlebihan.

Indrika Utami Hayat, Edi Suryanto dan Jemmy Abidjulu (2015) menyatakan bahawa nanas mengandungi pelbagai zat seperti vitamin A, kalsium, fosforat, magnesium, natrium, kalium, bromelin dan sukrosa. Bromelin berfungsi sebagai membantu mengimbangkan kesihatan jantung dan mencegah terjadinya masalah pembekuan darah dalam arteri. Tindakan memakan buah nanas sewaktu mengandung diyakini akan menyebabkan keguguran kerana bromelin boleh menjadi *abotivum*. Laman *Baby Center* (November 2016) menyatakan bahawa betik muda tidak selamat untuk dimakan sewaktu fasa kehamilan. Hal ini demikian kerana betik muda dipercayai mempunyai kandungan getah yang tinggi. Perkara ini dikukuhkan lagi kerana terdapat kajian yang membuktikan bahawa getah yang berkepekatan yang tinggi akan menyebabkan kontraksi rahim.

Simbol betik muda dan nanas yang diterapkan dalam pantang larang masyarakat Melayu ini jenis menunjukkan larang memakan makanan yang boleh memudaratkan kesihatan bayi dan ibu mengandung. Penelitian larangan makan nanas dan betik muda sewaktu kehamilan ini membawa kepada simbol makanan yang memudaratkan ibu mengandung. Hal ini demikian kerana, nanas dan betik muda dipercayai akan mempengaruhi keadaan anak yang berada dalam kandungan.

Berdasarkan simbol yang terdapat dalam pantang larang ibu mengandung berkaitan tumbuhan dapat dinyatakan bahawa masyarakat Melayu sangat menjaga pemakanan sewaktu kehamilan. Hal ini demikian adalah untuk kebaikan ibu mengandung dan anak yang bakal dilahirkan. Larangan meminum air kelapa dan air tebu dicipta bagi mengawal diet pemakanan ibu mengandung. Hal ini demikian kerana air tebu dan air kelapa mempunyai tahap kemanisan yang tertentu. Ibu mengandung perlu mengamalkan diet yang seimbang bagi mengelakkan berlakunya masalah kesihatan seperti diabetes gestasi. Menurut *Baby Center* (Oktober 2015) diabetes gestasi berlaku disebabkan oleh kegagalan badan menghasilkan hormon yang digelarkan sebagai insulin. Insulin mempunyai dua fungsi iaitu mengawal jumlah gula dalam darah yang digunakan untuk tenaga dan membolehkan gula yang tidak diperlukan segera disimpan. Pengambilan air kelapa dan air tebu dalam kuantiti yang banyak bagi ibu mengandung akan menyebabkan wujudnya masalah diabetes gestasi itu. Oleh itu, pantang larang berkaitan dengan air tebu dan air kelapa ini dilihat relevan kerana mendorong ibu mengandung untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Larangan memakan buah nanas dan betik muda pula adalah sebagai menjamin kesihatan janin. Hal ini demikian kerana nanas dan betik muda secara terang-terangan akan mendatangkan kesan negatif kepada janin dalam kandungan. Kewujudan pantang larang ini sudah semestinya akan menjamin kesihatan janin yang dikandung. Hal ini juga akan mengelakkan berlakunya keguguran sewaktu kehamilan.

Jenis Perbuatan

| BIL | PANTANG LARANG | UNSUR SIMBOL |
|-----|--|---------------------------|
| 1 | Dilarang mencarut kerana dipercayai akan mempengaruhi perangai anak yang bakal lahir. Ibu mengandung juga dipercayai akan mengalami kesulitan semasa melahirkan anak | Mencarut |
| 2 | Tidak boleh memukul atau mencederakan binatang kerana dikhuatiri anak yang bakal lahir akan mengalami kecacatan | Memukul atau mencederakan |
| 3 | Dilarang tidur pada waktu tengahari kerana dikhuatiri anak yang bakal lahir akan menjadi besar | Tidur |

Pantang larang perbuatan ini secara keseluruhannya mencatatkan tiga pantang larang perbuatan. Pantang larang yang dinyatakan ialah mencarut, memukul atau mencederakan dan tidur. Kewujudan pantang larang ini ialah bagi mendidik ibu mengandung agar menjaga perbuatan sepanjang tempoh mengandung.

Larangan melakukan perbuatan seperti mencarut, memukul atau mencederakan dan tidur dalam pantang larang ibu mengandung adalah bagi membentuk perilaku yang baik dalam diri ibu mengandung. Masyarakat Melayu terkenal dengan tindakan bertatatertib dan kesantunan dalam berbahasa. Hal ini telah dikukuhkan oleh Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2002) yang menyatakan bahawa bertertib dan beradab dalam menjalankan perhubungan di antara satu dengan lain telah menjadi pegangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Beliau juga menyatakan bahawa kedatangan Islam telah berperanan sebagai pengukuh yang menguatkan lagi adat resam orang Melayu kerana agama Islam menggalakkan umatnya hidup dalam keadaan berhemah tinggi serta menghormati manusia lain tidak kira darjat dan keturunan.

Ajaran daripada agama Islam dapat mengukuhkan lagi kesopanan masyarakat Melayu apabila mereka berkomunikasi. Perbuatan mencarut sangat bertentangan dengan masyarakat Melayu yang sinonim dengan perbuatan yang bersopan santun. Larangan mencarut bagi ibu mengandung sebenarnya adalah bertujuan untuk membentuk peribadi yang mulia dalam diri ibu mengandung. Larangan ini yang menyatakan tindakan mencarut akan mempengaruhi anak yang bakal dilahirkan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mementingkan unsur kesopanan dan kesusilaan dalam perbuatan. Relevannya yang menyatakan bahawa ibu mengandung akan mengalami kesukaran melahirkan anak jika melakukan perbuatan bergaduh dengan ibu mertua juga mencerminkan pentingkan menghormati orang yang lebih tua. Abdullah Yusuf (2006) menyatakan larangan memukul memukul atau mencederakan binatang adalah bagi tujuan mendidik. Hal ini demikian kerana larangan ini sebenarnya mendidik masyarakat supaya tidak melakukan penderaan terhadap binatang kerana perbuatan ini menggambarkan sikap manusia yang kejam dan zalim. Perkara ini sangat bertentangan kerana ibu seharusnya memberikan contoh teladan yang baik kepada anak-anak.

Walaupun pada dasarnya ibu mengandung disarankan memerlukan rehat yang secukupnya, namun tidur juga boleh mendatangkan masalah kepada ibu mengandung. Menurut Desi Sintia Kresnawati dalam laman *Solusi Sihatku* menjelaskan melalui pandangan Anthony Sciscione dari *Delaware Centre for Maternal and Fetal Medicine*, Amerika tidur pada waktu tengahari akan menyebabkan otot kaku, dan tulang rapuh. Sciscione juga menyatakan bahawa tidur pada waktu tengahari juga akan meningkatkan risiko darah beku pada bahagian kaki dan mungkin akan berpindah ke organ paru-paru. Rasional larangan tidur pada waktu tengahari kepada ibu mengandung ialah bagi mengelakkan berlakunya masalah kesihatan terhadap dirimereka. Larangan ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menggunakan simbolik tertentu bagi menegah perbuatan yang tidak manis dilakukan semasa kehamilan. Bagi mengelakkan penggunaan perkataan malas, masyarakat Melayu menggunakan kata tidur bagi menggambarkan perbuatan tidak melakukan sebarang pekerjaan. Perbuatan tidur sewaktu tengahari menunjukkan ibu mengandung kurang aktif. Aktif sewaktu mengandung akan memudahkan proses bersalin kelak. Oleh itu jelaslah bahawa larangan tidur sewaktu tengahari bagi ibu mengandung adalah disebabkan oleh membudayakan gaya hidup aktif bagi ibu mengandung sekaligus memudahkan proses bersalin.

Jenis Benda

| BIL | PANTANG LARANG | UNSUR SIMBOL |
|------------|---|---------------------|
| 1 | Tidak boleh memikul batu Kerana dikhuatiri anak dalam Kandungan menjadi lumpuh. | Batu |

Pantang larang mengangkat batu ini, adalah bagi mengelakkan ibu mengandung melakukakn perkara yang boleh mengakibatkan masalah kesihatan. Hal ini demikian kerana, ibu mengandung mempunyai keadaan badan yang lemah sewaktu mengandung.

Sewaktu mengandung, melakukan pekerjaan berat adalah tidak digalakkan. Hal ini demikian kerana ibu mengandung seharusnya menjaga diri dengan baik. Melakukan pekerjaan berat pasti akan mendatangkan kesan buruk kepada ibu mengandung. Dalam pada ini, perlakuan sedemikian dilarang kerana, tubuh badan sewaktu mengandung adalah lemah. Laman hamil.co.id (*pregnancy studies & research*) tulisan Yana Yulia menyatakan bahawa sewaktu mengandung, wanita akan mengalami perubahan fizikal. Ligamen akan merenggang seiring dengan pembesaran rahim sewaktu proses kehamilan.

Perkara ini akan menyebabkan pusat graviti ibu mengandung berubah sehingga menyebabkan bahagian belakang meregang dan tertekan sekaligus menyebabkan ibu mengandung cepat berasa penat. Laman berikut juga menyarankan bahawa ibu mengandung tidak seharusnya mengangkat beban lebih dari 9 kilogram terutamanya ketika memasuki fasa trimester ketiga. Jelaslah bahawa larangan memikul batu kepada ibu mengandung adalah sebenarnya untuk menjamin kesihatan mereka sekaligus memberikan ruang kepada ibu mengandung untuk berehat dari melakukan pekerjaan berat.

Jenis Haiwan

| BIL | PANTANG LARANG | UNSUR SIMBOL |
|------------|--|---------------------|
| 1 | Dilarang makan sotong. Dipercayai jika ibu mengandung memakan sotong, hantu akan | Sotong |

| | | |
|---|--|-------------|
| | mencekik ataupun mencerut bayi dalam kandungan kerana sotong mempunyai banyak tangan yang biasa disebut sebagai janggut. Anak mungkin terjerut tali pusatnya. | |
| 2 | Dilarang makan siput buluh kelak mengalami kesukaran untuk beranak | Siput buluh |

Wanita dilarang makan makanan tertentu sewaktu mengandung. Hal ini adalah bertujuan untuk membendung ibu mengandung daripada makan makanan yang boleh memudaratkan kesihatan ibu mengandung. Pantang larang yang melibatkan unsur haiwan ini hanya melibatkan dua jenis haiwan iaitu sotong dan siput buluh. Secara kesimpulannya, larangan memakan sotong dan siput buluh ini adalah bertujuan mengelakkan ibu mengandung memakan makanan laut. Makanan laut tidak dinafikan mempunyai pelbagai khasiat namun ianya juga boleh mendatangkan masalah. Hal ini demikian kerana makanan laut boleh menyebabkan keracunan makanan. Laman *Baby Center* (Oktober 2016) menjelaskan bahawa sewaktu mengandung, sistem imunisasi tidak berfungsi dengan baik. Hal ini akan memudahkan tubuh badan dijangkiti kuman-kuman yang menyebabkan keracunan makanan. Kerelevan larangan memakan makanan laut ini adalah bertujuan bagi menjamin kesihatan ibu mengandung. Apabila mengalami keracunan makanan, seseorang itu akan mengalami muntah-muntah, ciribirit sudah pasti ianya akan mempengaruhi tahap kesihatan ibu mengandung.

Pantang Larang Berkaitan Pemakanan

Perbuatan

| BIL | PANTANG LARANG | UNSUR SIMBOL |
|-----|---|---------------------|
| 1 | Makan mencangkung payah Dapat rezeki | mencangkung |
| 2 | Makan tak basuh pinggan nanti lambat dapat menantu | Tak basuh pinggan |
| 3 | Makan sambil berjalan akan Dapat penyakit perut | makan berjalan |
| 4 | Tidur selepas makan nanti perut menjadi buncit | Tidur selepas makan |

Pantang larang berkaitan dengan perbuatan dalam pemakanan menyatakan empat jenis perbuatan yang dilarang iaitu makan mencangkung, makan tak basuh pinggan, makan sambil berjalan dan tidur selepas makan. Dalam masyarakat Melayu, mencangkung merupakan perbuatan yang tidak manis di pandangan mata. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) mencangkung ialah duduk dengan kaki berlipat tetapi punggung tidak mencecah lantai. Mencangkung kebiasaannya dilakukan sekiranya ingin membuang air. Apabila mencangkung sewaktu makan pastinya akan dilihat sebagai sesuatu perbuatan yang tidak menghormati rezeki yang diperoleh. Rezeki dalam pantang larang ini merujuk kepada makanan yang dimakan. Perbuatan mencangkung yang disamakan dengan membuang air ini akan menyukarkan seseorang itu makan. Perbuatan mencangkung sambil makan merupakan tindakan yang menyebabkan rasa kurang selesa kepada si pelaku. Hal inilah yang membawa simbol kesukaran untuk menjamah nasi. Perbuatan mencangkung sewaktu makan adalah bertentangan sama

sekali dengan adab dan etika orang melayu. Hal ini demikian kerana, masyarakat Melayu sangat terkenal dengan tatatertib dalam perilakunya. Dalam masyarakat Melayu, kaum lelaki kebiasaanya duduk bersila manakala kaum perempuan akan duduk bersimpuh di atas tikar.

Perbuatan tidak mencuci pinggan setelah makan membawa kepada simbolik sikap malas. Perkaitan antara sikap malas dengan lambat beroleh menantu adalah disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Orang yang malas akan dikaitkan dengan seseorang yang diberikan pandangan negatif oleh masyarakat. Apabila mempunyai pandangan negatif dari masyarakat, pastinya akan lambat meperoleh pasangan hidup. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) berjalan ialah bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Perbuatan berjalan sewaktu makan disimbolkan sebagai satu perbuatan yang tidak tetap pendirian. Hal ini demikian kerana sewaktu makan, seseorang itu perlulah duduk setempat sahaja. Penyakit perut pula digambarkan sebagai akibat daripada perbualan berjalan sewaktu makan. Perut merupakan organ dalaman penting yang mempengaruhi kesihatan seseorang. Perilaku makan sambil berjalan menyebabkan penyakit perut disimbolkan bahawa seseorang itu akan mengalami masalah penghadaman sekiranya berbuat sedemikian. Perkara ini juga menunjukkan bahawa, sewaktu makan, seseorang itu perlu duduk setempat sahaja dan tidak berjalan. Larangan makan sambil berjalan kerana akan menyebabkan penyakit perut oleh masyarakat Melayu adalah bertujuan untuk mengelakkan makanan daripada tertumpah. Makanan yang tertumpah akan menyebabkan berlakunya pembaziran. Makanan yang tertumpah di lantai juga akan menyebabkan kekotoran. Selain itu, pantang larang ini sebenarnya dibuat berdasarkan faktor kesihatan. Seolhyun (2017) dalam keratan akhbar *Utusan Online* menjelaskan kajian pakar psikologi kesihatan menjelaskan tabiat makan sambil berjalan tidak akan membantu mengenyangkan perut berbanding menikmati makanan di meja makan. Hal ini demikian kerana, makan sambil berjalan akan mendorong seseorang itu untuk makan lebih banyak dan seterusnya mendorong kepada masalah obesiti dalam masyarakat.

Manakala tindakan tidur setelah waktu makan disimbolikkan sebagai perbuatan orang malas. Hal ini demikian kerana tindakan tersebut akan melengahkan aktiviti sehari-hari. Apabila tidur setelah makan, seseorang itu digambarkan akan berperut buncit. Penggabungan antara tidur dengan perut buncit ini adalah untuk menunjukkan bahawa orang yang bersikap malas akan mendatangkan kesan yang tidak baik keatas dirinya sendiri. Maksud disebalik pantang larang yang mencegah kita dari tidur selepas makan adalah untuk faktor pendidikan dan kesihatan. A. Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohamad (1994) menyatakan bahawa tindakan tidur selepas makan akan menyebabkan makanan yang dimakan belum dapat dihadam dengan baik. Perbuatan ini juga akan melalaikan seseorang daripada melakukan pekerjaan lain sekaligus mendorong untuk tidak melaksanakan perintah Allah dek kerana tertidur. Perut buncit yang dinyatakan hanyalah disandarkan sebagai akibat jika melakukan larangan yang telah ditetapkan.

Penutup

Penciptaan pantang larang secara keseluruhanya adalah bertujuan sebagai alat yang membentuk masyarakat yang harmoni. Dalam konteks ini, pantang larang wujud sebagai alat pengawal sosial bagi sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana, kebanyakannya pantang larang yang wujud adalah bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini. Pantang larang juga dipraktikkan bagi mebentuk masyarakat yang berdisiplin. Hal ini demikian kerana, pematuhan terhadap pantang larang akan mewujudkan masyarakat yang mentaati arahan dan tegahan dari orang yang lebih berpengalaman. Jika diteliti melalui pantang larang yang telah dicipta dengan maksud yang ingin disampaikan, masyarakat Melayu ini sebenarnya sangat mementingkan etika dalam apa-apa tindakan yang dilakukan. Hal ini adalah bertepatan dengan

kewujudan pantang larang tersebut. Setiap pantang larang yang diterbitkan ini mengetengahkan unsur simbol yang berkaitan dengan perbuatan. Larangan melakukan perbuatan tertentu ini jelas membuktikan bahawa etika merupakan perkara utama yang dititikberatkan dalam kehidupan. Selain itu, pantang larang masyarakat Melayu ini turut mementingkan aspek pemakanan. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengamalan penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat Melayu. Penerapan unsur simbol yang terdapat dalam pantang larang masyarakat Melayu ini adalah bagi menyatakan sesuatu tanpa menyatakan maksud yang sebenar dengan jelas.

Rujukan

- A.Wahab Ali. (2004). *Kesusasteraan Melayu Moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Abdul Halim Ali. (2013). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Selangor: Univision Press Sdn Bhd.
- A. Aziz Deraman & Wan Ramli Wan Mohamad. (1994) *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- A. Aziz Deraman. (2005). *Masyarakat Dan Kebudayaan Malaysia Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- A. Aziz Deraman. (2015). *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Abdul Rahman Ahmad Hanafiah. (2002). *Komunikasi Dalam Tradisi Melayu* dlm Persidangan Teori dan Pemikiran Melayu Serantau di Gedong Nasional, Tanjung Balai Karimun, Indonesia, pada 12 – 14 Disember 2002.
- Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim Dan Mohd Rain Shaari. (2006). *Semantik dan Pragmatik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd
- Ani Haji Omar. (2014) Pantang larang dalam kalangan orang Melayu: Analisis dari perspektif teori SPB4K. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 7 (1) 76-97
- Desi Sintia Kresnawati. (2016). Laman *Solusi Sihatku*.
- Etika Makan. (2012). Diperolehi daripada <https://ertmasakan.wordpress.com/2012/05/16/adab-dan-sopan-semasamakan/>
- Henni Sabrina Ayunani, Elmustian Dan Abdul Jalil. (2013). *Etika Melayu Dalam Pantang Larang*. Universiti Riau: Indonesia.
- Henry Anugerah. (2016). 10 Bahaya Makan Beras Mentah Untuk Kesihatan. Sumber Blog. Diperoleh Daripada <https://halosehat.com/gaya-hidup/kebiasaanburuk/bahaya-makan-beras-mentah>.
- Indrika Utami Hayat, Edi Suryanto dan Jemmy Abidjulu. (2015). Laman *Baby Center*. (Oktober 2015). Diperoleh daripada <https://www.babycenter.com/>
- Jeniri Amir. (1988). “Asal Usul Melayu Sarawak: Menjejaki Titik Tak Pasti” dlm *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(1), 1-17. UM
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Laman Baby Center. (November 2016). Diperoleh daripada <https://www.babycenter.com/>.
- Maria Sicilia Mayasari, Lintu Tulistyantoro & M Taufan Rizqy. (2014). “Kajian Semiotik Ornamen Interior Pada Lamin Dayak Kenyah Studi Kasus Interior Lamin Di Desa Budaya Pampang” dlm *Jurnal Intra* 2(2), 288-293
- Mazarul Hasan bin Mohamad Hanapi, Abdul Halim Ali & Mohd Rosli Saludin. (2016). “Simbol dalam Mantera Menurut Kepercayaan Orang Melayu” dlm *Jurnal Rumpun*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia
- Mohd Shahril Shaari. (2012). *Simbolisme dan Kritikan Sosial Yang Terdapat di dalam Novel Seluang Menolak Baung Karya Shahnon Ahmad bagi Menterjemahkan Pemikiran*

- Pengarangnya. (Disertasi Sarjana Pendidikan). Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Norashikin Leman. (2016). “Siput Pepahat Alah Air Garam” dlm *Berita Harian*. 31 March. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/node/139007>
- Norazimah Zakaria. (2019). “The Beauty And Benefits of Proverbs As A Symbol Of The Mind” in *Journal of Advance in Dynamical & Control Systems*, Vol. 11, Special Issues-07
- Salmah Omar dan Mohan a/l Rathakrishnan. (2016). “Pantang larang makanan masyarakat Melana Sarawak” dlm *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2016)*, Selangor.
- Seolhyun. (2017). “Dorong Makan Lebih Banyak: Tabiat Makan Sambil Berdiri, Berjalan Tidak Baik” dlm *Utusan Online*. 29 Oktober. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/dorong-makan-lebihbanyak-8232-1.544365#ixzz5Fb0IzT5b>.
- Yana Yulia dlm laman hamil.co.id (*pregnancy studies & research*). Bahaya Ibu Hamil Angkat Beban Berat. Diperolehi daripada <https://hamil.co.id/kehamilan/kesehatan-bumil/bahaya-ibu-hamil-angkatbeban-berat>.